



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/47 (HQ)

### **SUMBANGAN BAITI JANNATI TNB MERIAHKAN SAMBUTAN RAMADAN DAN AIDILFITRI AZIZ**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada hari ini menyempurnakan penyerahan sumbangan sebuah rumah di bawah Projek Baiti Jannatinya kepada Encik Aziz bin Salleh, di Kampung Mengkuang Masjid, Kuala Pegang, Baling, Kedah.

TNB pada tahun ini memperuntukkan 10 buah rumah Baiti Jannati bagi Tahun 2016 di Negeri Kedah. Kesemua 10 orang penerima bantuan rumah tersebut telah dikenal pasti.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian TNB, Zubir Hashim, bagi Peringkat Negeri Kedah setakat tahun 2015, sebanyak 25 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2008 melibatkan kos sebanyak RM976,000.

Tambah beliau lagi, bagi peringkat kebangsaan pula setakat tahun 2015 sebanyak 228 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2007 melibatkan kos sebanyak RM7.113 juta.

Zubir turut menjelaskan bahawa Projek Baiti Jannati ini adalah salah satu program Tanggungjawab Korporat TNB untuk membina rumah kediaman golongan yang memerlukan bantuan antaranya orang kelainan upaya, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar.

Di majlis tersebut, TNB menyerahkan replika kunci rumah sebagai gimik perasmian. Rumah tersebut bernilai RM50,000. yang turut dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu yang selesa,dan tandas yang lebih sempurna.

**Dikeluarkan di Baling, Kedah pada 18 Mei 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*